Pudu, Kuala Lumpur. Merujuk kepada para 4 afidavit plaintif, plaintif hanya dapat dihantar ke Penjara Pudu pada 20 Julai 1993 adalah kerana hari telah malam dan tugas-tugas dokumentasi perlu disempurnakan bersabit tangkapan plaintif.

Plaintif telah ditangkap pada 19 Julai 1993, jam 3.15 petang. Pada jam 4.05 petang Ketua Inspektor Foo buat pengaduan polis atas tangkapan itu. Mulai jam 4.10 petang dia serah kepada plaintif satu salinan Waran Tangkap dan Tahan serta Alasan-Alasan Menangkap dan menjelas isi kandungan kedua-dua dokumen itu kepada plaintif.

Saya dapati sebab-sebab yang diberi oleh Ketua Inspektor Foo adalah munasabah dan tahanan plaintif di Balai Polis Kajang tidaklah salah kerana pagi-pagi lagi pada esok harinya plaintif telah diserah ke Penjara Pudu, Kuala Lumpur.

Alasan yang keempat ialah plaintif tidak diberitahu sebab-sebab dia ditangkap. Mengikut Peguam plaintif ada keraguan sama ada Ketua Inspektor Foo telah beritahu plaintif sebab-sebab dia ditangkap. Ini kerana pada jam 4.05 petang Ketua Inspektor berada di Rumah Pasong Ampang membuat laporan No. 8510/93 dan tidak mungkin dia dapat berada di Pejabat Polis Kajang jam 4.10 petang.

Tidak ada bukti laporan polis itu dibuat di Rumah Pasong Ampang. Laporan diberi laporan No. 8510/93 Rumah Pasong Ampang kerana tangkapan dibuat di Ampang. Laporan boleh dibuat di Balai Polis Kajang. Walau bagaimanapun, Ketua Inspektor Foo telah menerangkan isi kandungan kedua-dua dokumen itu kepada plaintif pada masa tangkapan dibuat. Ini jelas daripada laporan itu sendiri yang menyatakan:

Semasa menangkap saya telah menerangkan kepadanya isi kandungan Waran Tangkap dan Tahan (Borang A) dan Alasan-alasan Menangkap (Laporan A)...

Dengan sebab-sebab di atas saya tolak permohonan plaintif dengan kos.

VALLIAMAH A/P VALLOO

lwn.

SUPPRAMANIAM A/L YELLAPAN

MAHKAMAH TINGGI, SEREMBAN
DATO' FAIZA TAMBY CHIK H.
[SAMAN PEMULA NO. 24-58-93]
25 OGOS 1993

UNDANG-UNDANG KELUARGA: Bayi plaintif di serahkan kepada defendan - Plaintif memohon injunksi supaya defendan menyerahkan balik anaknya - Plaintif dikatakan telah menandatangani Surat Keizinan Mengambil Anak Angkat - Samada surat tersebut sah - Defendan belum membuat permohonan sah untuk mengambil anak angkat - Samada keizinan plaintif boleh ditarik balik.

Plaintif melahirkan seorang anak perempuan pada 16 Julai 1992. Pada 17 Julai 1992 kakak ipar plaintif telah menyerahkan anak tersebut kepada defendan. Defendan gagal menyerahkan anak tersebut kepada plaintif walaupun plaintif telah memintanya berbuat demikian dan plaintif memohon melalui saman pemula untuk satu perintah injunksi supaya defendan menyerahkan balik anak plaintif kepada plaintif dan suaminya dan untuk satu perintah injunksi larangan supaya defendan dihalang daripada menggangu anak tersebut.

Defendan mengatakan bahawa plaintif dan suaminya telah menandatangani suatu borang surat akuan yang diikrarkan mengikut peruntukan-peruntukan Akta Surat Akuan 1960. Surat ini adalah merupakan Surat Keizinan Mengambil Anak Angkat (D1) dan soalan yang timbul adalah samada surat ini adalah sah dan samada anak tersebut boleh disifatkan anak angkat defendan yang sah disisi undang-undang.

Diputuskan:

[1] Plaintif, yang adalah buta huruf, tidak diberitahu mengenai kandungan D1 dan menurut keterangan beliau hanya diberitahu bahawa D1 adalah resit tanda penerimaan wang yang telah dipinjamkan kepadanya oleh defendan. Dalam suasana kes ini Mahkamah tidak berpuas hati bahawa kedua-dua ibubapa kandung anak tersebut memahami isi kandungan D1 kerana walaupun penjelasan diberi oleh penyaksi tandatangan dalam Bahasa Melayu pasar, dan walau sekalipun bapa kandung anak tersebut faham Bahasa Melayu

pasar, beliau tidak menyedari sepenuhnya maksud dan akibat D1. Dalam keadaan ini D1 bukanlah surat keizinan yang sah.

[2] Sebelum sesuatu permohonan untuk mendaftar anak angkat boleh dibuat, pemohon hendaklah mengemukakan keterangan yang memuaskan hati Pendaftar bahawa bayi itu telah berada dalam jagaan terus ibubapa angkat untuk tempoh tidak kurang daripada 2 tahun, ibubapa kandung atau salah seorang daripadanya telah memberi keizinan melalui surat akuan dan fee yang ditetapkan telah dibayar.

[3] Dalam kes ini permohonan seperti yang ditetapkan dalam borang Jadual Pertama di bawah s. 6 Akta Pendaftaran Anak Angkat 1952 tidak boleh dibuat oleh defendan kerana tempoh jagaan terus adalah kurang daripada 2 tahun dan oleh yang demikian D1 adalah tidak relevan oleh kerana ibubapa kandung anak tersebut boleh menarik balik keizinan pada bila-bila masa sebelum permohonan itu dibuat.

[4] Keterangan yang betul-betul jelas dan nyata adalah diperlukan untuk mengatakan bahawa kedua-dua ibubapa kandung atau salah seorang daripadanya memberikan keizinan bahawa mereka atau salah seorang daripadanya sanggup berpisah dengan anak kandungnya untuk dijadikan anak orang lain untuk selama-lamanya. Dalam kes ini keterangan sedemikian tidak dikemukakan.

[Permohonan plaintif dibenarkan].

Kes yang dirujuk:
Re Wan Yijun & Anor. [1991] 1 MLJ 16 ***(dirujuk)***

Perundangan yang dirujuk:
Ordinan Akuan Berkanun 1948
Akta Akuan Berkanun 1835
Akta Pendaftaran Pengangkatan Anak Anghat 1952, s. 6, Jadual Pertama
Akta Surat Akuan 1960

Bagi pihak plaintif - D. Krishnan; T/n. Nor Affiza, D. Krishnan & Co.
Bagi pihak defendan - Rajagopalu; T/n. T. Rajagopalu & Co.

ALASAN PENGHAKIMAN

Faiza Tamby Chik H:
Melalui suatu saman pemula bertarikh 9 Februari 1993 siplaintif memohon perintah seperti berikut:

(1) Bahawa satu perintah injunksi diberi kepada plaintif supaya defendan atau ejen atau pekerjanya menyerahkan anak plaintif, Kogilavani a/p Jawamani kepada plaintif dan suaminya.
(2) Bahawa satu perintah injunksi larangan diberi supaya defendan atau ejen atau pekerjanya dihalang daripada menggangu anak tersebut.
(3) Plaintif memberi akujanji gantirugi kepada pihak defendan sekiranya defendan mengalami apa jua kerugian disebabkan oleh injunksi tersebut.
(4) Kos
(5) Lain-lain perintah yang dianggap sesuai dan wajar diberi oleh Mahkamah yang mulia ini.

Saman Pemula tersebut telah disokong oleh suatu afidavit plaintif yang diikrarkan pada 5 Februari 1993. Di dalamnya plaintif telah menyatakan bahawa beliau telah melahirkan seorang bayi perempuan di Hospital Daerah Jelebu pada 16 Julai 1992 pukul 11.45 pagi dan bayi itu telah diberi nama Kogilavani a/p Jawamani. Plaintif menyatakan bahawa sehari selepas Kogilavani dilahirkan, kakak iparnya bernama Nagammah a/p Kuppusamy telah mengambil Kogilavani daripadanya dan kemudian beliau mendapat tahu bahawa Kogilavani telah diserahkan kepada defendan. Plaintif menyatakan pada masa Nagammah a/p Kuppusamy mengambil anak itu daripadanya beliau sedang sakit tenat kerana mengidap penyakit "jaundice". Plaintif menyatakan sebulan kemudian defendan telah meminjamkan wang sebanyak RM450 untuk menjaga kesihatannya dan memberitahu bahawa wang RM450 itu hendaklah dibayar semula apabila beliau mempunyai kemampuan kelak. Akan tetapi plaintif menyatakan bahawa daripada jumlah wang RM450 itu Nagammah a/p Kuppusamy telah mengambil RM435 dan beliau hanya memperolehi bakinya sebanyak RM15 sahaja. Disamping itu plaintif menyatakan bahawa sungguhpun beliau seorang buta huruf beliau telah diminta menandatangani suatu dokumen yang dikatakan suatu resit bagi penerimaan wang yang disebut di atas tadi tanpa diberitahu kandungan sebenarnya dokumen itu. Plaintif menyatakan bahawa setiap kali beliau bertanyakan mengenai Kogilavani a/p Jawamani, Nagammah a/p Kuppusamy memberitahu beliau bahawa Kogilavani berada di dalam jagaannya sehingga beliau (Plaintif) sihat. Plaintif menyatakan bahawa Nagammah tidak ada langsung memberitahunya bahawa Kogilavani telah

diserahkan kepada defendan. Plaintif menyatakan bahawa Pak Chiknya yang bernama Y. Subramaniam telah memaksanya menandatangani beberapa dokumen walaupun Pak Chiknya tahu bahawa dia adalah seorang buta huruf. Oleh hal yang demikian, plaintif memohon supaya Kogilavani dipulangkan kepadanya dan beliau sanggup membayar balik wang yang telah diterimanya.

Dapat diperhatikan bahawa keterangan afidavit plaintif di atas mengenai beliau uzur dan lemah kerana mengidap penyakit "jaundice" semasa Kogilavani diambil oleh Nagammah adalah sama dengan keterangan yang diberikannya di Mahkamah dan disokong pula oleh keterangan Sellamma a/p Arumugam (SP2) dan Muniamma a/p Appalasamy (SP3). Malahan dalam keterangannya di Mahkamah, SP2 berkata, "Pada 19 Julai 1992 plaintif ingin berjumpa dengan saya. Bila saya pergi ke situ plaintif menegaskan dia nak ambil bayi itu. Plaintif masa itu sedang berbaring di atas katil. Dia masih uzur. Plaintif suruh saya ambil bayinya daripada Nagammah. Saya pergi rumah Nagammah suruh dia kembalikan bayi itu dan beritahu plaintif sedang menangis. Nagammah suruh saya balik ke rumah dan dia akan hantar bayi ke rumah. Nagammah datang tapi tak ada bawa bayi".

Dapat diperhatikan bahawa keterangan yang diberikan oleh SP2 dan SP3 tidak ada diperiksa balas atau dicabar langsung oleh pihak defendan. Oleh hal yang demikian, saya menerima keterangan tersebut oleh kerana setelah meneliti tingkahlaku mereka semasa memberikan keterangan di Mahkamah, SP2 dan SP3 adalah saksi yang dapat dipercayai.

Perlu diingati bahawa SP2 dan SP3 adalah jiran tetangga plaintif dan merupakan saksi-saksi yang terbabit dengan memberikan keterangan mengenai apa yang sebenarnya berlaku pada tempoh tersebut.

Suami plaintif Jawamani a/l Ramasamy (SB1) yang menjadi saksi bagi pihak defendan turut menyokong dengan jelas keadaan kesihatan isterinya iaitu plaintif. Dalam pemeriksaan balas SB1 berkata "Kami bersama-sama dengan kakak saya serahkan bayi itu kepada defendan. Bayi diserahkan di rumah defendan. Masa itu isteri defendan tak ada di rumah. Masa itu isteri saya mengidap penyakit "jaundice". Dia tak boleh bangun. Isteri saya tak pergi ke rumah defendan".

a Keterangan di atas bukan sahaja mengesahkan bahawa plaintif dalam keadaan uzur dan lemah semasa bayinya diambil akan tetapi ianya juga bertentangan dengan keterangan defendan sendiri mengenai bagaimana bayi itu diambil dan diserahkan kepada defendan. Defendan pula yang menjadi saksi defendan yang kedua (SB2) menyatakan di Mahkamah pula begini, "Pada 18 Julai 1992 bayi tersebut telah diserahkan kepada saya. Jawamani (suami plaintif) dan Valiamah (Plaintif) telah serahkan bayi kepada saya dan memberitahu bahawa mereka tak mampu pelihara bayi itu sebab kemiskinan".

b

c D1 adalah Surat Keizinan Mengambil Anak Angkat. Surat itu adalah suatu Borang Surat Akuan yang diikrarkan menurut peruntukan-peruntukan Akta Surat Akuan, 1960. Surat itu tiada merujuk kepada mana-mana Akta berkaitan dengan pengambilan anak angkat. Lebih buruk daripada itu plaintif yang buta huruf tidak diberitahu mengenai kandungan D1. Menurut keterangan plaintif bahawa beliau telah diberitahu bahawa D1 adalah resit tanda penerimaan wang yang dipinjamkan kepadanya oleh defendan. Berkaitan dengan upacara penyaksian tandatangan D1 oleh plaintif dan suaminya di hadapan Encik Anuar bin Ujang, Penolong Pentadbir Tanah Daerah Jelebu, maka timbul pula keterangan yang bercanggah. Selain daripada keterangan plaintif yang menyatakan bahawa kandungan D1 tidak langsung dijelaskan kepadanya dalam Bahasa Tamil, defendan sendiri dalam keterangannya juga menyatakan perkara yang sama. Defendan berkata, "Tak ada sesiapa, yang terjemahkan dalam Bahasa Tamil". Adalah diragukan di sini sunggahpun ada penjelasan diberikan di dalam Bahasa Melayu pasar oleh Encik Anuar tersebut, hakikatnya adalah kedua-dua ibubapa Kogilavani itu adalah buta huruf. Malahan di dalam keterangannya di Mahkamah bapa Kogilavani iaitu SB1 didapati berdolak-dalik dengan menyatakan pada mula-mulanya beliau kurang faham penerangan Encik Anuar dan kemudian beliau berkata beliau faham keterangan Encik Anuar bahawa beliau akan kehilangan hak ke atas Kogilavali dan kemudian dalam pemeriksaan balas berkata, "Saya tak boleh baca dan faham Bahasa Melayu. Encik Anuar terangkan dalam Bahasa Melayu pada masa itu dan saya faham." Akan tetapi Supramaniam a/l Yellapan (SB2) memberi keterangan bahawa beliau ada menterjemahkan D1 kepada kedua-dua ibubapa Kogilavani.

d

e

f

g

h

i

Oleh hal yang demikian dalam suasana yang saya sebutkan di atas maka saya tidak berpuas hati bahawa kedua-dua ibubapa kandung Kogilavani memahami isi kandungan D1 kerana walau sekalipun SB1 faham Bahasa Melayu pasar, beliau tidak menyedari sepenuhnya maksud dan akibat Surat Keizinan D1. Berikutnya pula adakah D1 suatu permohonan Pengambilan Anak Angkat? Saya berpendapat D1 adalah bersifat suatu surat keizinan sahaja sebagaimana ternyata dengan tajuknya yang berbunyi, "Surat Keizinan Mengambil Anak Angkat" iaitu surat keizinan daripada ibubapa kandung dan bukannya suatu permohonan mengikut Akta yang ditentukan. Timbul pula di sini soalan bahawa kedua-dua ibubapa kandung Kogilavani tidak dijelaskan dengan nyata isi kandungan D1 dan siplaintif pula menganggapnya suatu resit penerimaan wang sahaja.

Dapat diperhatikan ada dua cara untuk mengambil anak angkat. Satu melalui Mahkamah dan satu lagi melalui pendaftaran anak angkat. Dalam kes kita ianya mengikut cara kedua iaitu melalui pendaftaran. Puan Zainon bte Soli (SB4) Penolong Pegawai Kebajikan Masyarakat memberi keterangan bahawa, "Melalui pendaftaran mengambil masa 2 tahun penjagaan terus. Selepas itu boleh buat permohonan di Pejabat Pendaftaran. Jabatan Pendaftaran pula akan menulis ke Jabatan Kebajikan Masyarakat untuk membuat siasatan latar belakang pemohon dan ibubapa kandung. Jika didapati penjagaan bayi itu baik dan ibubapa kandung bersetuju untuk menyerahkan, biasanya Pegawai Kebajikan tak ada halangan untuk membuat sokongan. Maka lepas itu terpulang kepada Pegawai Pendaftaran itu untuk meluluskan atau tidak."

Saya berpendapat Akta yanq terpakai dalam kes ini adalah Registration of Adoptions Act 1952 (Act 253) dan borang permohonan yang betul adalah seperti yang dinyatakan di Jadual Pertama yang merujuk kepada s. 6 (Registration of *de facto* adoption) yang berbunyi:

No. 54 of 1952
First Schedule
(Section 6)
Federation Of Malaya
Registration of Adoptions Ordinance 1952
Application For The Registration Of An Adoption.

Application for the registration of the adoption of a child named (i)..... (ii) .....

I, the undersigned..... born in ..... race..... religion (if any)..... ordinarily resident at .....

And I, the undersigned..... his/her wife/husband born in..... race..... religion (if any)..... ordinarily resident at ..... hereby state:

(1) I am/We are desirous that the adoption of ..... a child of the ..... sex, and of the ..... race, and..... religion (if any) ordinarily resident at..... hereinafter called "the child" be reaistered under the provisions of the Registration of Adoptions Ordinance, 1952.

(2) The father of the child is....race..... religion (if any)..... born in..... and now resident at..... whose written consent is appended hereto; and the mother of the child is.... race... religion (if any)..... .....born in... whose written consent to the adoption is appended hereto.

(3) The child was born on the..... day of..... 19.... and is (a) identical with the child to whom the attached certified copy of an entry in the Register of Births relates; or (b) is identical with the child to whom the attached statutory declaration relates.

(4) The child is ordinarily resident in the Federation of Malaya and has never been married.

(5) The child was on..... day of..... 19 in my/our custody, and being brought up, maintained and educated by me/us as my/our own child and has been in my/our custody and so maintained and educated from that date onwards.

(6) The guardian of the child is..... of the..... race..... and religion (if any) born in..... now resident at..... whose written consent to the adoption is appended hereto;

(7) I..... am by occupation..... and an ordinarily resident in the Federation of Malaya.

(8) I am/We are not under 25 years of age ..... years, and am/are not less than 18 years older than the child and am/are a fit and proper person(s) to maintain and bring up the child suitably.

(9) I am/We are not under 21 years of age, being of the age of..... years. and related to the child, being .....

(10) (a) I/We have not agreed to make any to the parent(s)/guardian(s) of this child payments.

(b) I/We have agreed to give remuneration to the parent(s)/guardian as under .....

(c) I/We have not received or agreed to any payment or other reward in consideration of the adoption of this child except .....

(11) I/We have/have not made previous application under the said Ordinance in respect of the child to any Registrar.

I do/We do each of us severally solemnly and sincerely declare that the particulars contained in this application are true and I/We each of us severally make this solemn declaration conscientiously believing the same to be true and by virtue of the provisions of the

Statutory Declarations Ordinance 1949
Statutory Declarations Act 1835

Subscribed and solemnly declared by the above-named..... at..... in the State / Settlement of ... this ..... day of..... 19..... } .....
[Signature of Applicant (s)]

Before me,

.....
Registrar of Adoptions

Interpreted by me and signed in my presence.

Interpreter.

Notes:

(i) Insert name or names by which the child is to be known.
(ii) Delete where there is no charge of name. Where there is change of name insert former name, including surname.
(iii) Where the application is made by two spouses jointly the form should be modified, and where the form requires particulars of the applicant to be given, particulars should be given as regards each of the persons by whom the application is made.
(iv) Insert name or names by which the child is to be known.
(v) Where a parent of the child is dead the parent's name should be given and the fact stated.
(vi) If a written consent is not appended the form should be modified so as to indicate that the applicant desires the Registrar to dispense with the consent of the person or body concerned.
(vii) A certified copy of the entry of the child's birth in the Register of Births is required to be appended to the application in all cases where it can be obtained, or failing this, an affidavit certifying the age and place of birth of the child.
(viii) This form is required to be completed in duplicate but the documents appended are not required to be in duplicate.
(ix) There should be inserted here any gifts made or received by the applicant, parent or guardian or any other interested party.
(x) If a previous application has been made, full particulars thereof must be given.

Dalam kes kita dapat diperhatikan bahawa 3 perkara hendaklah dilakukan sekiranya sesuatu permohonan yang telah dibuat dalam Borang Jadual Pertama Akta tersebut sebelum pengangkatan boleh didaftarkan, iaitu:

(a) bahawa ada keterangan yang memuaskan hati Pendaftar bahawa bayi itu telah berada dalam jagaan terus menerus ibubapa angkat untuk tempoh tidak kurang daripada 2 tahun;
(b) ibubapa kandung atau salah seorang daripadanya telah memberi keizinan melalui surat akuan.

Di sini saya berpendapat bahawa D1 adalah surat keizinan melalui surat akuan itu. Akan tetapi saya memutuskan bahawa D1 bukanlah surat keizinan yang sah seperti yang dinyatakan di atas tadi. Walau bagaimanapun, D1 tidak relevan dalam kes ini oleh kerana ibubapa kandung bayi tersebut boleh menarik balik keizinannya pada bila-bila masa sebelum permohonan dalam borang Jadual Pertama dibuat dan di sini permohonan tersebut tidak boleh dibuat oleh kerana belum memenuhi syarat (a) di atas.

(c) Fee yang ditetapkan telah dibayar.

Adalah jelas dalam kes ini bahawa defendan belum boleh membuat sebarang permohonan pengangkatan Kogilavani menurut "s. 6 Registration of Adoptions Act 1952." Adalah jelas juga bahawa kerananya sebarang keizinan yang diberikan oleh ibubapa kandung Kogilavani boleh ditarik balik sebelum permohonan itu dibuat. Akan tetapi dalam kes ini saya memutuskan bahawa tidak ada sebarang keizinan telah diberikan oleh kedua-dua ibubapa Kogilavani atau salah seorang daripadanya. Saya memutuskan bahawa D1 adalah tak sah. Keterangan yang betul-betul jelas dan nyata adalah diperlukan untuk menyatakan bahawa kedua-dua ibubapa kandung atau salah seorang daripadanya memberikan keizinan bahawa mereka atau salah seorang daripadanya

sanggup berpisah dengan anak kandungnya untuk dijadikan anak orang lain untuk selama-lamanya. Dalam kes *Re Wan Yijun & Anor.* [1991] 1 MLJ 16 pada muka surat 22, Wee Chong Jin CJ berkata:

> In delivering their judgment, the High Court in *Mace v. Murray* made a few relevant dicta which are noteworthy. At p. 330 they said:
>
> > ... powerful reasons must be shown before a court can properly deem it just and reasonable, notwithstanding a mother's objection, to sever the relationship between her child and herself and make the child for most purposes of the law, and consequently, for most practical purposes, the child of other persons.
>
> Again at p. 335 they said:
>
> > It must be conceded at once that in the ordinary case the mother's moral right to insist that her child shall remain her child is too deeply grounded in human feeling to be set aside by reason only of an opinion formed by other people that a change of relationship is likely to turn out for the greater benefit of the child.
>
> For all these reasons and in the exercise of my discretion I did not dispense with the consent of the natural mother and therefore dismissed both petitions with costs to be borne by the petitioners.

Atas alasan di atas saya membenarkan permohonan ini seperti dipohon oleh plaintif dalam Lampiran (1).

YEE YAT WAH

lwn.

HOO WONG @ HOH SEE WONG & 1 LAGI DAN SHIM CHIN TONG (PIHAK KETIGA)

MAHKAMAH TINGGI, KUALA LUMPUR
DATO' HAJI WAN MOHAMED BIN WAN MUSTAPHA H.
[GUAMAN SIVIL NO. P. 25-471-86]
24 MEI 1994

TORT: Kemalangan jalanraya - Kecederaan - Kepatahan tibia, femur dan hemipelvis serta hilang daya seks - Tuntutan gantirugi - Taksiran - Plaintif masih boleh bekerja - Samada award untuk kehilangan pendapatan boleh diberi.

Ini adalah tuntutan untuk gantirugi am dan khas yang dibuat oleh plaintif terhadap defendan-defendan akibat dari satu kemalangan jalanraya di mana motosikal yang ditunggang oleh pihak ketiga dan dibonceng oleh plaintif telah digesel oleh motorlori yang dipandu oleh defendan pertama dan dimilikki oleh defendan kedua. Fakta menunjukkan bahawa Mahkamah telah memutuskan bahawa defendan pertama bertanggungan sekadar 60% dan penunggang motosikal bertanggungan sekadar 40%.

Akibat dari kemalangan tersebut, plaintif telah mengalami beberapa kecederaan berupa kepatahan tulang dibeberapa bahagian anggota badannya serta hilang daya seksnya dan menuntut gantirugi daripada defendan-defendan. Persoalan yang timbul hanyalah tentang quantum gantirugi yang sepatutnya diberi kepada plaintif.

Diputuskan:

[1] Berdasarkan laporan doktor yang menyatakan bahawa " his fractured right tibia had healed well and he had full range of movement of his right knee joint and right ankle joint", gantirugi yang berpatutan bagi kepatahan pada tulang betis kanan adalah RM10,000.

[2] Bagi kepatahan pada tulang peha kiri, kepatahan tersebut telah menyebabkan kependekan sebanyak 0.5 cm dan plaintif terpaksa berjalan dengan mengengjut. Gantirugi sebanyak RM16,000 adalah berpatutan.

[3] Bagi kepatahan tulang punggung award gantirugi sebanyak RM12,000 diberi berdasarkan pengesyoran kedua-dua pihak.